

Modul Pembelajaran Kendiri – Penyata Pengasingan Untung Rugi

Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2011 - Negeri Kedah

4. Encik Adam dan Puan Dewi ialah rakan kongsi dalam Perkongsian Awi yang berkongsi untung rugi dalam nisbah 1:2. Perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:

Faedah atas modal ialah 8% setahun.

Faedah atas ambilan ialah 5% setahun.

Gaji Adam RM7 800 setahun.

Petikan dari Imbangan Duga perkongsian tersebut pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	Debit RM	Kredit RM
Alatan Pejabat	8 500	
Penghutang	4 200	
Pinjaman daripada Dewi		6 000
Gaji Adam	6 000	
Akaun Modal pada 1 Januari 2010:		
Adam		16 000
Dewi		32 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2010:		
Adam		7 980
Dewi	1 570	
Ambilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010:		
Adam: 1 Januari 2010	5 000	
Dewi: 1 April 2010	10 000	

Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ialah RM39 662.

Rakan kongsi bersetuju untuk membuat pelarasan Untung Bersih bagi perkara berikut:

- (i) Faedah atas pinjaman Dewi 5% setahun akan dikreditkan ke Akaun Semasa.
- (ii) Hutang lapuk terpulih RM310.
- (iii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.
- ii. Akaun Semasa setiap pekongsi dalam bentuk beruangan.
- iii. Bahagian Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010.

Sebelum menjawab, fahami beberapa perkara:

1. Soalan ini memberikan angka Untung Bersih dan pelarasan untung bersih, jadi pelajar perlu **mengira angka untung bersih selepas pelarasan** untuk dimasukkan ke dalam Penyata Pengasingan Untung Rugi.
2. Format Penyata Pengasingan Untung Rugi

Untung bersih		xx
Tambah:		
Faedah atas ambilan:		
Pekongsi 1	xx	
Pekongsi 2	xx	

		xx
Tolak:		
Faedah atas modal:		
Pekongsi 1	xx	
Pekongsi 2	xx	
Gaji / Bonus / Elaun (amaun penuh)	xx	

		(xx)

		xx
Kongsi Untung/Rugi		
Pekongsi 1		xx
Pekongsi 2		xx

		xx

3. Format Akaun Semasa

Akaun Semasa					
	Pekongsi 1	Pekongsi 2		Pekongsi 1	Pekongsi 2
Baki b/b			Baki b/b		
Ambilan			Faedah atas modal		
Faedah atas ambilan			Gaji (belum bayar)		
Kongsi rugi			Bonus (belum bayar)		
			Elaun (belum bayar)		
			Faedah atas pinjaman pekongsi (belum bayar)		
Baki h/b			Kongsi untung		
			Baki h/b		

4. Formula pengiraan faedah

$$\text{Amaun Faedah} = \% \text{ faedah} \times \text{Amaun} \times \text{tempoh masa}$$

Modal, Ambilan, Pinjaman pekongsi

Sekiranya tempoh kurang daripada setahun.

Langkah menjawab:

Langkah 1: Kirakan untung bersih selepas pelarasan:

	RM
Untung bersih (asal)	39 662
+ Hutang lapuk terpulih	310
- Faedah atas pinjaman Dewi	(300)
- Susut nilai Alatan Pejabat	(850)
Untung bersih (terselaras)	38822

Penerangan kepada jawapan:

1. Hutang lapuk terpulih ditambah semula kepada untung kerana ianya ialah **hasil**.
2. Faedah atas pinjaman Dewi dan Susut nilai Alatan Pejabat ditolak semula daripada untung kerana ianya adalah **belanja**.

Pengiraan:

Faedah atas pinjaman Dewi = $5\% \times \text{RM}6\,000 = \text{RM}300$

Susut nilai Alatan Pejabat = $10\% \times \text{RM}8\,500 = \text{RM}850$

Langkah 2: Sediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

Tips: Terus sediakan rangka jawapan. Rujuk format sebelum ini. Lakukan pengiraan ketika anda hendak memasukkan angka sesuatu butiran untuk menjimatkan masa.

Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.		RM	RM
	Untung bersih		38822
	Tambah:		
	Faedah atas ambilan:		
	Adam (5% x RM5000)	250	
	Dewi (5% x RM10000 x 9/12)	375	
		625	(+)
	Tolak:		
	Faedah atas modal:		
	Adam (8% x RM16000)	1280	
	Dewi (8% x RM32000)	2560	
	Gaji (amaun penuh)	7800	
		(11640)	(-)
		27807	
	Kongsi Untung/Rugi		
	Adam (1/3 x RM27807)		9269
	Dewi (2/3 x RM27807)		18538
			27807

Faedah atas ambilan Dewi bermula 1 April - 31 Dis, hanya 9 bulan (9/12) →
 Gaji setahun →
 Ini ialah untung bersih yang akan diagihkan kepada pekongsi →
 Rujuk nisbah kongsi untung rugi →
 Adam : Dewi, 1:2

Langkah 3: Sediakan Akaun Semasa setiap pekongsi dalam bentuk beruangan.

*Ak Semasa Dewi
berbaki debit (rujuk
I.Duga)*

*Ak Semasa
Adam berbaki
kredit (rujuk
I.Duga)*

Akaun Semasa

	Adam	Dewi		Adam	Dewi
Baki b/b		1570	Baki b/b	7980	
Ambilan	5000	10000	Faedah atas modal	1280	2560
Faedah atas ambilan	250	375	Gaji (belum bayar)	1800	
			Faedah atas pinjaman pekongsi (belum bayar)		300
Baki h/b	15079	18538	Kongsi untung	9269	18538
	20329	30483		20329	30483
			Baki b/b	15079	18538

*Gaji Adam (belum bayar)
= 7800 - 6000
= 1800*

Langkah 4: Sediakan Bahagian Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010.

Bahagian Ekuiti Pemilik Kunci Kira-kira perkongsian menunjukkan dua butiran iaitu:

- i. Baki Akaun Modal pekongsi
- ii. Baki Akaun Semasa pekongsi (baki b/b akhir)

Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 (petikan)	
Ekuiti Pemilik	RM
Akaun Modal:	
Adam	16 000
Dewi	32 000
Akaun Semasa:	
Adam	15079
Dewi	18538
	81617

Selamat mengulangkaji